

TEACHING THE QURAN FOR PERSONS WITH VISUAL IMPAIRMENTS: ISSUES AND CHALLENGES AT PERTIS WILAYAH PAHANG

PENGAJARAN AL-QURAN BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN: CABARAN DAN SOLUSI DI PERTIS WILAYAH PAHANG

Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi ⁱ, Abu Dzar Ahmad ⁱⁱ,
Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad ⁱⁱⁱ & Muhamad Razif Ahmad ^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Lecturer, Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). haafiz@unipsas.edu.my

ⁱⁱ Lecturer, Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). abudzar@unipsas.edu.my

ⁱⁱⁱ Lecturer, Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). ahaiqal@unipsas.edu.my

^{iv} Lecturer, Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS). mrazif@unipsas.edu.my

Article Progress

Received: 19 March 2025

Revised: 27 March 2025

Accepted: 16 May 2025

Abstract	<p><i>This study examines the teaching of the Al-Quran among visually impaired individuals at PERTIS Wilayah Pahang, focusing specifically on the accessibility of learning processes. The objective of this research is to analyze the issues and challenges faced during the teaching and learning activities at the center. A qualitative approach employing a phenomenological design was adopted utilizing in-depth interviews with one instructor, five visually impaired students, and one administrative officer from PERTIS Wilayah Pahang. The data were analyzed using NVivo12 software through open coding, axial coding, and selective coding to identify the main themes of the study. The findings reveal several key challenges in Quranic instruction at PERTIS Wilayah Pahang, including a shortage of instructors proficient in Braille, limitations in the Al-Quran Braille learning process, and accessibility issues at the activity center and its facilities. The study proposes several improvements, such as the use of the Malaysian Braille Al-Quran (MQBM), employing cooks, upgrading infrastructure, and providing regular training for instructors. These findings are expected to contribute to enhancing the Quranic education system for visually impaired individuals and to encourage authorities to improve the infrastructure of Al-Quran Braille learning classes.</i></p> <p>Keywords: <i>Braille Al-Quran, Accessibility for Visually Impaired, PERTIS Pahang Region, Quranic Teaching, Malaysian Braille Al-Quran Mashaf (MQBM).</i></p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini membincangkan tentang pengajaran Al-Quran dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan di PERTIS Wilayah Pahang dengan memberi tumpuan khusus kepada aksesibiliti pembelajaran. Objektif kajian adalah untuk menganalisis isu dan cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pusat aktiviti tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi melalui kaedah temu bual mendalam bersama beberapa orang tenaga</i></p>

	<p><i>pengajar, lima orang pelajar OKU penglihatan, dan satu orang pegawai pembantu tadbir PERTIS Wilayah Pahang. Data kajian dianalisis menggunakan perisian NVivo12 melalui proses pengkodan terbuka, pengkodan paksi dan pengkodan terpilih bagi membentuk tema-tema utama kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pengajaran Al-Quran di PERTIS Wilayah Pahang menghadapi beberapa cabaran utama antaranya kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam tulisan Braille, kekangan dalam proses pembelajaran Al-Quran Braille dan isu aksesibiliti ke pusat aktiviti dan tempat. Kajian ini turut mencadangkan beberapa penambahbaikan seperti penggunaan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM), menggunakan khidmat tukang masak, peningkatan kemudahan infrastruktur dan latihan berkala untuk tenaga pengajar. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada penambahbaikan sistem pengajaran Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan dan membuka ruang kepada pihak berautoriti untuk meningkatkan infrastruktur kelas pengajian Al-Quran Braille.</i></p> <p><i>Kata kunci: Al-Quran Braille, Aksesibiliti OKU Penglihatan, PERTIS Wilayah Pahang, Pengajaran Al-Quran, Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM).</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Pengajaran Al-Quran merupakan satu tuntutan yang wajib bagi setiap muslim tanpa mengira keadaan fizikal mahupun mental mereka. Dalam konteks Malaysia, golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan turut mempunyai hak dan keperluan untuk mempelajari Al-Quran sebagaimana muslim yang lain. Menurut Bowers (2021) dan World Health Organization & World Bank (2011), akses kepada pendidikan agama merupakan salah satu hak asasi yang perlu dipenuhi bagi golongan OKU. Kajian menunjukkan bahawa sistem pendidikan inklusif perlu dibina untuk mengatasi halangan terhadap hak pendidikan OKU (Díaz Santa María & Molina Saorín, 2021). Justeru, Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) merupakan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah memainkan peranan penting dalam menyediakan platform pembelajaran Al-Quran kepada golongan OKU penglihatan sejak penubuhannya (Rose Yasmin Karim, 2012). Selain itu, kajian Mohd Nur Adzam Rasdi et al. (2017) mendapati bahawa Buku Iqra' dalam versi Braille telah berjaya dihasilkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui kolaborasi bersama Darul Fikir, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan menghadapi pelbagai cabaran yang unik dan kompleks. Norhasnira (2017) menegaskan bahawa penggunaan tulisan Braille sebagai medium pembelajaran memerlukan kepakaran khusus bukan sahaja dari aspek pembacaan dan penulisan, tetapi juga dari segi kaedah pengajaran yang berkesan. Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) pada tahun 2022 (Mohd Nur Adzam, 2023) telah membuka dimensi baharu dalam pembelajaran Al-Quran untuk golongan OKU penglihatan. Namun, Rahmah Hayati et al. (2023) mendapati bahawa penggunaannya masih memerlukan kajian dan penambahbaikan berterusan untuk memastikan ia memenuhi keperluan dan kepuasan golongan OKU Penglihatan serta untuk menyesuaikan teks dengan standard kebolehbacaan yang lebih tinggi.

Di PERTIS Wilayah Pahang khususnya, isu aksesibiliti pembelajaran merupakan cabaran utama yang perlu ditangani. Muhamad Nur Hafiz et al. (2017) mengenal pasti pelbagai aspek aksesibiliti yang kritikal termasuk kemudahan infrastruktur, bahan pengajaran, kepakaran tenaga pengajar, dan sokongan teknologi. Kajian-kajian terdahulu

seperti Ahmad Kamel et al. (2019) dan Norakyairee et al. (2020) telah menunjukkan bahawa aksesibiliti pembelajaran merupakan faktor kritikal dalam menentukan keberkesanan pengajaran Al-Quran kepada golongan OKU penglihatan.

Kepentingan kajian ini terserlah apabila melihat kepada jurang yang wujud dalam literatur sedia ada berkaitan pengajaran Al-Quran untuk OKU penglihatan khususnya dalam konteks Malaysia. Walaupun terdapat beberapa kajian yang membincangkan aspek teknikal pengajaran Al-Quran Braille, namun kajian komprehensif yang meneliti isu dan cabaran di peringkat institusi masih terhad. Norakyairee et al. (2020) menekankan keperluan untuk kajian yang lebih mendalam tentang realiti dan keperluan sebenar di pusat pembelajaran untuk membantu pembuat dasar dalam merancang penambahbaikan yang berkesan.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di PERTIS Wilayah Pahang dengan memberi tumpuan khusus kepada aspek aksesibiliti pembelajaran. Penekanan secara sistemati dalam pembangunan modul pengajaran adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran Al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan. Dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan sistem pengajaran Al-Quran yang lebih inklusif dan berkesan (Adzam, M. N., et al. 2021).

Selain itu, kajian ini juga penting dalam konteks merealisasikan matlamat pendidikan inklusif seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021) dan Dasar OKU Negara. Kajian daripada Norhasnira Ibrahim (2017), Mohd Nur Adzam et al. (2021) dan Rahmah Hayati Musa et al. (2023) menegaskan bahawa pendekatan inklusif dalam pengajaran Al-Quran perlu mengambil kira kepelbagaian keperluan pelajar OKU penglihatan. Ia selaras dengan prinsip Islam yang menekankan kepentingan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat, serta hak setiap Muslim untuk mengakses dan memahami Al-Quran tanpa mengira keadaan fizikal mereka.

SOROTAN LITERATUR

Pelbagai pendekatan inovatif telah dikenal pasti sebagai kaedah berkesan untuk meningkatkan aksesibiliti dan penglibatan golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan dalam pengajaran Al-Quran. Kaedah 'Abahata' yang mengintegrasikan elemen sentuhan dan pendengaran terbukti mampu meningkatkan kemahiran Braille serta pengalaman pembelajaran secara menyeluruh bagi pelajar OKU penglihatan (Ilham et al., 2024). Selain itu, pendekatan tradisional seperti kuliah, perbincangan dan penggunaan bahan Braille disertai aplikasi multimedia seperti *Smart Iqra'* turut diakui bermanfaat dalam memudahkan pembelajaran Al-Quran (Syumarlin et al., 2021; Nur Atiqah & Noornajihan, 2018).

Program *Iqra'* Braille 1 pula berfungsi sebagai alat asas dalam pengajaran, namun memerlukan penyesuaian untuk memenuhi keperluan unik pelajar OKU penglihatan dengan lebih baik (Kauthar et al., 2019). Secara keseluruhannya, kaedah-kaedah ini menekankan kepentingan strategi yang pelbagai dan inklusif dalam pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan. Inisiatif Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) memperkasakan akses kepada pendidikan Islam dengan menyediakan mushaf Braille yang standard, memudahkan pembelajaran inklusif dan membolehkan penyertaan dalam aktiviti tilawah Al-Quran. Usaha ini bukan sahaja memberi peluang yang sama rata dalam pendidikan agama kepada golongan OKU penglihatan malah menggalakkan keterlibatan komuniti dan sokongan sosial seterusnya mewujudkan persekitaran yang membolehkan semua individu berkongsi pengalaman rohani (Mohd Nur Adzam, 2023).

Walau bagaimana pun, kekurangan bahan pengajaran khusus memberikan kesan yang ketara terhadap pencapaian pendidikan pelajar dengan masalah penglihatan. Sebagai contoh, kekurangan ini menghadkan akses mereka kepada kurikulum pendidikan umum, mengurangkan penglibatan dalam aktiviti pembelajaran dan akhirnya menjejaskan prestasi akademik serta pengalaman pendidikan secara keseluruhan (Diasse & Kawai, 2024). Tambahan pula, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih boleh mengakibatkan

pengalaman pembelajaran yang kurang optimum serta menjejaskan keberkesanan sokongan pendidikan secara keseluruhan (Olowe & Olowe, 2024).

Keterbatasan aksesibiliti fizikal dalam institusi pendidikan di Malaysia juga memberikan impak yang signifikan terhadap hasil pembelajaran pelajar orang kurang upaya (OKU) seperti yang dilaporkan dalam pelbagai kajian. Kekurangan infrastruktur yang mesra OKU seperti laluan khas untuk kerusi roda dan laluan khusus bagi OKU penglihatan menghalang mobiliti dan penyertaan pelajar OKU dalam aktiviti akademik (Faisal Husen et al., 2023). Ketiadaan kemudahan yang sesuai ini menyumbang kepada isu pengecualian pendidikan yang lebih luas di mana pelajar OKU sering berdepan halangan semasa sesi pengajaran, pembelajaran dan penilaian. Hal ini membawa kepada pengalaman pembelajaran yang tidak lengkap serta pencapaian akademik yang sering diremehkan (Roslinda et al., 2016).

Di samping itu, sikap masyarakat dan kekurangan latihan khusus untuk guru memburukkan lagi cabaran ini kerana pendidik mungkin tidak cukup bersedia untuk menyokong keperluan pelajar OKU yang pelbagai (Paramita et al., 2024). Pandemik COVID-19 turut menonjolkan isu ini khususnya bagi pelajar OKU penglihatan yang menghadapi kesukaran dengan bahan pembelajaran dalam talian yang tidak mesra pengguna sekaligus menekankan keperluan kepada program intervensi awal dan sumber yang mencukupi (Mohamed, 2021). Walaupun terdapat dasar seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008, pelaksanaan amalan inklusif masih tidak konsisten dengan jurang yang ketara antara dasar dan pelaksanaannya (Faisal Husen et al., 2023).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi. Pendekatan ini bertujuan untuk meneroka pengalaman, pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh individu terlibat dalam pengajian Al-Quran Braille dengan memberi tumpuan kepada pemahaman mendalam tentang fenomena tersebut dalam konteks kehidupan seharian. Data kajian diperolehi melalui temu bual mendalam yang melibatkan tiga kumpulan responden utama iaitu seorang tenaga pengajar yang bertanggungjawab dalam pengajaran Al-Quran Braille, lima orang pelajar OKU Penglihatan yang mengikuti kelas Al-Quran Braille dan seorang pegawai pembantu tadbir PERTIS Wilayah Pahang yang terlibat dalam pengurusan pentadbiran berkaitan kelas tersebut.

Analisis data dalam kajian ini dilaksanakan menggunakan perisian NVivo 12 bagi memastikan pengurusan dan analisis data dilakukan secara sistematik dan teratur. Penggunaan analisis tema secara induktif digunakan dalam proses analisis melibatkan tiga peringkat pengkodan utama. Pertama, pengkodan terbuka iaitu proses mengenal pasti isu dan cabaran utama melalui analisis terperinci terhadap transkrip temu bual. Pada peringkat ini, kod-kod awal dibangunkan berdasarkan tema yang muncul daripada data yang dikumpulkan. Kedua, pengkodan paksi di mana kod awal dihubungkan kepada kategori yang lebih besar untuk mengenal pasti hubungan kausal, konteks, strategi tindakan dan hasil yang berkaitan.

Selain temu bual, triangulasi data dilakukan dengan merujuk laporan kelas pengajian Al-Quran Braille untuk mengesahkan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan. Triangulasi penyelidik turut digunakan melalui kerjasama antara penyelidik untuk menganalisis data dari pelbagai perspektif. Di samping itu, kaedah triangulasi boleh dipelbagaikan melalui pemerhatian dan analisis dokumen bagi memperkukuhkan dapatan kajian daripada pelbagai sumber data bagi meningkatkan kredibiliti kajian. Pendekatan ini membantu mengurus dan menyusun data secara lebih mendalam dan holistik.

Akhir sekali, pengkodan terpilih dilakukan dengan memilih tema utama berdasarkan hubungan antara kategori yang telah dikenal pasti. Tema-tema ini kemudian dijadikan asas utama dalam merumuskan dapatan dan perbincangan kajian. Pendekatan analisis ini memastikan dapatan kajian disampaikan secara menyeluruh dan bermakna.

CABARAN PENGAJARAN AL-QURAN DI PERTIS WILAYAH PAHANG

Pengajaran Al-Quran kepada golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan di PERTIS Wilayah Pahang berdepan pelbagai cabaran yang perlu ditangani secara komprehensif. Salah satu cabaran utama adalah kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam tulisan Braille. Guru yang mampu menguasai tulisan Braille Al-Quran secara mendalam amat terhad menjadikan proses pembelajaran lebih mencabar untuk pelajar OKU penglihatan. Informan 1 mengatakan:

“Setakat ini kami hanya ada seorang guru sahaja yang datang daripada Kelantan dua minggu dalam sebulan.”

Kekurangan ini bukan sahaja melambatkan perkembangan pelajar tetapi juga membatasi peluang mereka untuk menguasai Al-Quran dengan lebih baik. Pihak pengelola terpaksa hentikan kelas fardu ain kerana tidak mempunyai masa yang cukup untuk belajar mengaji Al-Quran Braille dan hafazan. Informan 4 berkata:

“kalau ikutkan ada fardu ain tapi ustaz tu tak ada masa kot. Kalau dengan ustaz dulu dia buat sebulan sekali, dia ambil sekejap tapi ustaz ni tak buat kot. Sekarang ni ustaz fadil dia dari Kelantan”

Situasi ini menuntut latihan intensif dan berterusan bagi melahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang berkelayakan sama ada dalam kalangan OKU Penglihatan mahupun dalam kalangan tipikal.

Seterusnya, pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan menghadapi beberapa kekangan dalam proses pembelajaran Al-Quran Braille. Antaranya mereka memerlukan masa yang lebih lama untuk membaca teks Braille terutamanya jika hanya menggunakan satu jari yang menyukarkan pengecaman huruf dan baris yang rapat. Selain itu, pelajar yang berumur lanjut seperti mereka yang berusia 70 hingga 80 tahun menghadapi cabaran disebabkan tekstur jari yang kurang sensitif dan memerlukan huruf Braille yang lebih timbul. Terdapat juga cabaran berkaitan keperluan menghafal kod Braille dan mengikuti arahan pengajar. Tambahan pula, penggunaan kod Braille baharu yang lebih ringkas dan bergabung menjadi halangan bagi pelajar yang belum mahir dengan sistem tersebut, meskipun mereka tidak menghadapi masalah dengan kod Braille standard.

Informan 4 berkata:

“cabaran dia kena dengar cakap ustaz la, kena ingat kod”

Informan 5 berkata:

“sekarang ni kan braille guna kod baru, sy tak mahir lagi kod baru. Ia banyak ringkas-ringkas kan, yang gabung-gabung perkataan. Saya tak faham yang tu je, yang lain tu yang standard boleh ikut”

Informan 7 berkata:

“saya boleh membaca tapi ambil masa sikit lah”

Informan 8 pula berkata:

“saya hanya guna satu jari. Lepas tu bila kita guna satu jari dengan huruf yang rapat-rapat baris yang rapat-rapat memang susah nak kita nak tahu kecuali kita memang rajin.

“bagi kawan-kawan yang sama belajar dengan saya tu lah yang belajar tu dari muda sampai lah yang berumur 80 tahun pun ada. Jadi bagi orang yang dah berumur 70 80 ni jari pun dah tak berapa rata, dah tebal jadi nak rasa huruf tu tak berapa rasa. Mungkin perlukan huruf yang lebih timbul”

Selain itu, kurang akses makan dan minum di pusat aktiviti turut menjadi isu yang signifikan. Ketersediaan gerai-gerai, warung atau restoran masih belum mencukupi yang berada di sekitar pusat aktiviti untuk memenuhi keperluan pelajar setiap hari. Perkara ini akan mengganggu jadual kelas pengajian Al-Quran Braille.

Informan 1 berkata:

"PERTIS Pahang ni pusat aktiviti dia jauh, maksudnya waktu pagi ke tengah hari dah tak ada makanan. Dia orang kelas habis sampai pukul satu, jadi kita orang kena tu lah"

Informan 2 berkata:

"PERTIS Pahang ni pusat aktiviti dia jauh, maksudnya waktu pagi ke tengah hari dah tak ada makanan. Dia orang kelas habis sampai pukul satu, jadi kita orang kena tu lah"

Informan 4 pula berkata:

"kekangan kami tukang masak la, sebab sekarang ni kak nurul la tukang masak, kak nurul la grab, kak nurul la ambil gambar untuk maghfirah kan, macam kesian dekat dia, dia pun banyak kerja lain kan. Tukang masak la"

"pagi ada kedai makan kat depan tu, pagi jela. Kalau dia buka, kalau dia tutup x tahu la kan. Dulu ada ummi ikut, ummi start la kereta akan tanya nak makan apa, dia tolong belikan"

Kekurangan tempat makan ini menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di mana pelajar dan guru terpaksa bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan makan pagi, tengah hari dan malam.

Di samping itu, aksesibiliti ke pusat pembelajaran dan kemudahan fizikal juga menjadi cabaran utama. Infrastruktur yang kurang mesra OKU seperti ketiadaan laluan khas untuk golongan cacat penglihatan, sistem navigasi yang terhad, serta kekurangan kemudahan asas, menyukarkan pelajar untuk hadir ke kelas pengajian dengan mudah dan selesa. Informan 2 mengatakan bahawa:

"kadang-kadang Nurul ambil, kadang-kadang naik grab"

Keadaan ini berlaku pada setiap bulan apabila guru Al-Quran Braille yang bernama Wan Mohd Fadil bin Wan Pauzi yang datang dari Kelantan selama 8 hari untuk mengajar Al-Quran Braille di Pusat Aktiviti PERTIS Wilayah Pahang. Beliau datang ke Temerloh menggunakan perkhidmatan Bas Ekspres dan menggunakan perkhidmatan Grab untuk ke pusat aktiviti ini.

Informan 3 pula berkata:

"kami kalau nak bantuan, nak repair longkang tempat kami belajar tu la, sebab longkang tu pecah-pecah"

Informan 4 berkata:

"daripada pintu pagar ke pintu masuk, dia kuaters lama kan, kita panggil rumah la kan tempat tu. Cuma macam ada batu-batu sikit la, jalan hati-hati takut jatuh ke apa"

"saya ada dua tiga orang kawan area Pekan, Kuantan, area-area Bentong. Dia orang ingin tapi pengangkutan la"

Informan 2 berkata:
“banyak halangan, kadang tempat nk pergi tu pun jauh”

Keadaan ini boleh menyebabkan penurunan motivasi dalam kalangan pelajar dan memberi kesan kepada keberkesanan pembelajaran. Kekurangan kemudahan ini menunjukkan perlunya pelaburan yang lebih besar dalam menyediakan pusat pembelajaran yang lebih inklusif (Faisal Husen et al., 2023).

Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa pendidikan Al-Quran bagi OKU Penglihatan di PERTIS Wilayah Pahang menghadapi cabaran dari aspek tenaga pengajar, aksesibiliti, dan sumber pengajaran. Justeru, perbincangan dan dapatan berkenaan cabaran dan isu setelah pengamatan kajian lepas dinyatakan bahawa penekanan terhadap pembangunan modul pengajaran, latihan berterusan untuk tenaga pengajar, serta peningkatan kemudahan infrastruktur akan menjadi asas kepada penyelesaian menyeluruh.

KEPERLUAN PENAMBAHBAIKAN DI PERTIS WILAYAH PAHANG

Bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran Al-Quran kepada golongan OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Pahang, beberapa aspek penting perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan. Salah satu keperluan utama ialah pembangunan modul pengajaran yang sistematik. Modul yang disusun dengan baik, mengandungi panduan jelas, latihan berperingkat serta kandungan yang relevan dapat membantu pelajar OKU penglihatan memahami dan menguasai tulisan Braille Al-Quran secara lebih teratur termasuk dapat membantu mereka menghafal kod braille dengan baik. Modul seperti ini juga memudahkan tenaga pengajar dalam menyampaikan pengajaran dengan kaedah yang lebih berstruktur dan efisien (Nur Atiqah & Noornajihan, 2018).

Di samping itu, usaha perlu dilakukan untuk memastikan penggunaan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM) secara meluas. MQBM menyediakan sistem Braille yang standard dan seragam yang membolehkan pelajar mempelajari Al-Quran dengan kaedah menguasai ilmu Rasm dan ilmu Dhahab Al-Quran. Penggunaan meluas MQBM dalam kelas pengajian bukan sahaja meningkatkan akses pelajar kepada Al-Quran tetapi juga memastikan konsistensi dalam pengajaran dan pembelajaran di seluruh negara (Mohd Nur Adzam, 2023). Tambahan lagi, penggunaan Al-Quran eBraille amat diperlukan bagi menyelesaikan isu pelajar yang telah berumur dan mempunyai sensitiviti jari yang lemah. Penggunaan teknologi yang moden dapat menambahkan lagi daya sensitiviti golongan OKU Penglihatan yang berumur (Zhang et al., 2018).

Seterusnya, penambahbaikan infrastruktur amat diperlukan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang mesra OKU. Pusat pembelajaran perlu dilengkapi dengan laluan khas, longkang yang tertutup, sistem navigasi yang mesra OKU dan kemudahan asas seperti ruang kelas yang dilengkapi peralatan lengkap untuk pengajaran Al-Quran Braille. Penambahbaikan ini mampu meningkatkan keselesaan pelajar dan memudahkan mereka untuk hadir dan menyertai kelas pengajian secara aktif (Faisal Husen et al., 2023).

Selain itu, latihan berkala untuk tenaga pengajar perlu dirancang dan dilaksanakan secara sistematik. Latihan ini boleh merangkumi kursus penguasaan tulisan Braille, teknik pengajaran yang sesuai untuk golongan OKU penglihatan serta pengenalan kepada alat bantu pengajaran terkini. Latihan berkala membantu tenaga pengajar meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, seterusnya memberi impak positif kepada kualiti pengajaran yang disampaikan (Kauthar et al., 2019).

Kesemua langkah penambahbaikan ini memerlukan komitmen daripada pihak berautoriti, institusi pendidikan dan masyarakat umum untuk direalisasikan. Dengan pelaksanaan yang terancang dan menyeluruh, pengajian Al-Quran untuk golongan OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Pahang dapat diperkasakan sekaligus memenuhi keperluan pelajar secara lebih holistik dan inklusif.

PERBINCANGAN DAN SIGNIFIKAN DAPATAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran Al-Quran kepada golongan OKU penglihatan sangat bergantung kepada beberapa faktor penting. Salah satu isu utama ialah kepentingan tenaga pengajar yang mahir dan berpengalaman. Tenaga pengajar yang kompeten dan memahami kaedah pengajaran tulisan Braille dapat memberikan sokongan yang optimum kepada pelajar OKU penglihatan. Namun, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih telah menjadi cabaran utama, yang bukan sahaja melambatkan proses pembelajaran tetapi juga menghalang perkembangan potensi pelajar. Oleh itu, usaha perlu ditumpukan kepada melahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang mahir melalui program latihan khas dan pengiktirafan kemahiran mereka (Kauthar et al., 2019).

Selain itu, kajian turut menekankan keperluan modul yang baik. Ketiadaan atau kekurangan modul pengajaran modul latihan dan alat bantu pengajaran lain menjejaskan proses pembelajaran secara keseluruhan. Bahan yang relevan dan mencukupi adalah asas kepada pengajaran yang berkualiti terutama bagi pelajar yang bergantung kepada kaedah alternatif seperti Braille untuk memahami Al-Quran. Justeru, perhatian perlu diberikan kepada penghasilan bahan pengajaran yang berkualiti dan mudah diakses oleh semua pihak yang berkaitan (Nur Atiqah & Noornajihan, 2018).

Kajian ini memberikan impak yang signifikan kepada sistem pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan di Malaysia. Isu-isu yang dikenal pasti menonjolkan keperluan untuk membangunkan sistem pendidikan yang lebih inklusif dan mesra OKU. Sebagai contoh, pengajaran Al-Quran untuk golongan ini tidak boleh lagi dianggap sebagai inisiatif tambahan sebaliknya perlu dimasukkan sebagai salah satu fokus utama dalam dasar pendidikan Islam negara. Dengan sokongan daripada pihak kerajaan dan institusi berkaitan usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan dapat diperkasakan sekaligus membuka peluang kepada mereka untuk turut serta dalam arus perdana pendidikan Islam di Malaysia (Mohd Nur Adzam, 2023).

Dapatan kajian ini juga memberikan asas yang kukuh untuk merangka program-program latihan bagi melahirkan lebih ramai tenaga pengajar yang mahir serta menghasilkan bahan pengajaran yang relevan dan mencukupi. Implikasi positif ini tidak hanya terhad kepada pelajar malah turut memberi manfaat kepada masyarakat umum khususnya dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menyokong golongan OKU penglihatan untuk mendalami ilmu agama. Dengan pendekatan yang lebih holistik, pendidikan Al-Quran untuk golongan ini dapat menjadi lebih berkesan dan inklusif.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan, pelaksanaan latihan intensif untuk tenaga pengajar merupakan strategi jangka pendek yang kritikal. Latihan ini perlu dirangka secara sistematik bagi memastikan tenaga pengajar dilengkapi dengan kemahiran pengajaran yang sesuai termasuk kecekapan dalam penggunaan tulisan Braille dan teknik pengajaran yang terbaik. Latihan intensif juga dapat membantu tenaga pengajar memahami keperluan pelajar OKU penglihatan sekaligus meningkatkan keupayaan mereka untuk menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan. Program latihan ini boleh dilaksanakan secara berkala dengan kerjasama institusi pendidikan, badan agama, dan pihak berkepentingan lain (Kauthar et al., 2019).

Selain itu, penyediaan bahan pengajaran yang lebih komprehensif turut menjadi keutamaan dalam strategi jangka pendek. Bahan pengajaran seperti modul pembelajaran dan alat bantu lain yang berkualiti dan mudah diakses sangat penting untuk menyokong proses pembelajaran pelajar. Bahan ini perlu disesuaikan dengan tahap kefahaman pelajar serta direka bentuk secara inklusif. Usaha ini bukan sahaja dapat membantu pelajar memahami kandungan Al-Quran dengan lebih mendalam, tetapi juga mendorong mereka untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran (Nur Atiqah & Noornajihan, 2018).

Bagi menjamin kelangsungan pendidikan Al-Quran yang inklusif, pembangunan infrastruktur mesra OKU penglihatan adalah strategi jangka panjang yang sangat penting. Institusi pendidikan yang menawarkan program Al-Quran kepada golongan ini perlu

dilengkapi dengan kemudahan seperti laluan bertanda, ruang kelas yang mesra OKU Penglihatan dan akses yang mudah ke tempat pembelajaran. Infrastruktur yang mesra OKU penglihatan bukan sahaja meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar tetapi juga memastikan mereka dapat belajar dalam persekitaran yang selesa dan selamat (Faisal Husen et al., 2023).

Selain itu, kolaborasi dengan agensi kerajaan dan NGO untuk meningkatkan dana dan sumber adalah langkah strategik yang mampu memberikan impak besar dalam jangka masa panjang. Kerjasama ini boleh melibatkan penyediaan geran, sumbangan alat pembelajaran, atau sokongan logistik untuk pelaksanaan program pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan. Kolaborasi juga boleh mendorong kesedaran masyarakat terhadap keperluan golongan OKU penglihatan sekaligus membina sokongan yang lebih padu untuk pendidikan inklusif (Mohd Nur Adzam, 2023).

Pelaksanaan kedua-dua strategi jangka pendek dan panjang ini diyakini dapat memperkasakan pendidikan Al-Quran bagi golongan OKU penglihatan sekaligus memberikan mereka peluang yang lebih baik untuk mendalami ilmu agama secara setara dengan masyarakat umum.

KESIMPULAN

Kajian ini mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pengajaran Al-Quran kepada golongan OKU penglihatan, antaranya kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam tulisan Braille, keterbatasan modul pengajaran yang sesuai dan aksesibiliti ke pusat pembelajaran dan kemudahan yang tidak mesra OKU penglihatan. Tenaga pengajar memerlukan latihan khusus dalam tulisan Braille dan teknik pengajaran yang sesuai bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sempurna. Selain itu, bahan pengajaran yang seperti modul atau kaedah pengajaran masih ada kelompongan apabila ada pelajar yang menghadapi cabaran dalam pembelajaran Al-Quran Braille. Masalah ini lebih terkesan apabila infrastruktur yang tidak mesra OKU menyukarkan pelajar untuk bergerak dan mengikuti sesi pengajaran dengan lancar. Oleh itu, cabaran-cabaran ini memberi kesan yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran Al-Quran dalam kalangan golongan OKU penglihatan. Jsuteru, beberapa saranan penting dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk meningkatkan sistem pendidikan Al-Quran bagi OKU penglihatan seperti menyediakan program latihan intensif kepada tenaga pengajar bagi mempertingkatkan kemahiran mereka ke arah yang lebih efektif. Selain itu, pembangunan modul pengajaran yang lebih sistematik dan kaedah yang baik amat penting untuk memastikan pelajar menerima pendidikan yang berkualiti perlu diberi penekanan dalam pembelajaran dari segi penguasaan tulisan Braille hingga kepada pemahaman Al-Quran. Diharapkan kajian ini dapat memberikan impak yang signifikan kepada agensi kerajaan yang berkaitan termasuk mana-mana pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) dalam memperkasakan pendidikan Al-Quran yang inklusif untuk golongan OKU penglihatan bahkan menambah baik infrastruktur di pusat aktiviti dengan menyediakan pelbagai kemudahan mesra OKU. Penambahbaikan yang dicadangkan tidak hanya bertujuan untuk meningkatkan literasi Al-Quran dalam kalangan OKU penglihatan tetapi juga memberi mereka peluang untuk mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam dan aktif berperanan dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran dalaman daripada Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) dengan No. RUG-UnIPSAS-2023-06.

RUJUKAN

Buku

Alias, R., Alias, N. O. & Ibrahim, A. B. (2015). *Towards Inclusive Education in Malaysian Universities: Addressing the Barriers, Challenges and Needs of Special Educational Needs Learners*. In Springer eBooks.

Jurnal

Bowers, J. (2021). Accommodating Difference: How is Religious Freedom Protected When it Clashes with Other Rights? Is Reasonable Accommodation the Key to Levelling the Field? *Oxford Journal of Law and Religion*, 10(3), 275–297.

Diasse, M. D., & Kawai, N. (2024). Barriers to Curriculum Accessibility for Students with Visual Impairment in General Education Setting: The Experience of Lower Secondary School Students in Senegal. *The Curriculum Journal*, 36(1), 110-125.

Díaz Santa María, Y., & Molina Saorín, J. (2021). Persons with Disabilities Facing the Mirage of the Right to Education: A Systematic Review of the Literature. *Frontiers in Education*, 6, 1-9.

Ismail, F. H., Mohammad, C. A., Nirwana, A., Abu Hassan, M. I. & Masruri, M. (2023). A Scientific Review on Disabled-Friendly Educational Environment for Disabilities Student in Malaysia. *Journal Of Techno-Social*, 15(1), 78-85.

Othman, I., 'Assfi Rahmat, B. S., Bakar, B. A., Farhan Zamziba, M. N., Adzam Rasdi, M. N. & Othman A. (2024). Effectiveness of 'Abahata' Method for the Visually Impaired in Learning Quran Braille a Pilot Study. *International Journal of Modern Education*, 6(21), 289–310.

Kadir, K. A., Hashim, M., Fasehah Muhamad, N. A., Raus, N. M., Ja'afar, N. & Omar, N. B. (2019). Kesesuaian Kandungan Buku Iqra' Braille 1 Sebagai Permulaan Pengajaran Al-Quran Kepada Golongan OKU Penglihatan. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(2) Special Issue, 49-59.

Mohamed. A. K., Mohd Raus. N., & Alias. N. (2019). Challenges in Learning Al-Quran among Visually Impaired Students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(6), 908-916.

Khribi, M. K. (2021). Toward Accessible Online Learning for Visually Impaired and Blind Students. *Nafath*, 6(19), 10-17.

Adzam Rasdi, M. N., Jaafar, N., Mohamad, K. A., Omar, N. B., Raus, N. M., Hashim, M. & Ahmad Razuan, S. R. (2017). IQRA Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Isu Ketidakterpaparan Antara Dua Teks. *J-QSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, June, 1-15.

Rasdi, M. N. A., Raus, N. M. & Jaafar, N. (2023). Aplikasi Rasm Uthmani dalam Mashaf al-Quran Braille Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 7, 91-107.

Raus, N. M., Rasdi, M. N. A. & Alias, N. (2020). Teaching and Learning Al-Quran for Visual Impairment Students: A Review on Malaysian Experience. *Journal of Critical Reviews*, 7(7), 714-719.

Aziz, N. A. A. & Jaafar, N. (2018). Penguasaan Pembelajaran Al-Qur'an Berbantuan Aplikasi Multimedia Interaktif Smart Iqra': Kajian di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Pulau Pinang. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2(2), 24-36.

Olowe, M. O., & Olowe, N. E. (2024). Counselling Approaches and Educational Support for Business Education in Students with Visual and Hearing Impairments: Enhancing Accessibility and Learning Outcomes. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies*, 5(2), 24–38.

Paramita, P. P., Asthana, M. K., Amin. S. A., & Hassim. N. (2024). Inclusive Education for Students with Disabilities: Perspectives from Indonesian and Malaysian Higher Education. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 40(3), 247–261.

Syumarlin, S., Ritonga, M. & Halim, S. (2021). Al-Quran Learning Model for Blind Students. *Tarbawi Khatulistiwa Jurnal Pendidikan Islam*, 7(2).

Prosiding

Rasdi, M. N. A., Jaafar, N., Raus, N. M., Hashim, M., Azhar, N. A., Zainudin, M. S. A., Yahya, Z., Rahman, S. Z. A. & Razali, A. (2021). *Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) USIM*. The 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021), 847-860.

Ahmad, M. N. H., Rosli, H. F., Takril, N. F. & Sabri, S. A. (2017). *Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Pengajian Tinggi di Lembah Klang: Satu Kajian Kes*. 2nd Putrajaya International Conference on Children, Women, Elderly and Disabled People (PICCWED2), 20-21 May 2017, 304-311.

Ibrahim, N. (2017). *Kemahiran Pedagogi Bagi Guru Pendidikan Islam (Pendidikan Khas) Dalam Pengajaran Al-Quran Braille*. SEAMEO SEN ICSE 2017, 494-504.

Musa, R. H., Rasdi, M. N. A. & Ja'afar, N. (2023). *Konsep Kebolehbacaan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*. 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023), Faculty of Quran and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia.

Zhang, X., Tran, T., Sun, Y., Culhane, I., Jain, S., Fogarty, J., & Mankoff, J. (2018). *Interactiles: 3d Printed Tactile Interfaces to Enhance Mobile Touchscreen Accessibility*. The 20th International ACM SIGACCESS Conference on Computers and Accessibility (ASSETS '18), 131-142.

Laman sesawang

Karim, R. Y. (2012). Thanks to Pertis, the Blind Can Now Read the Quran. *Eyeway*. Retrieved from <https://www.eyeway.org.in/?q=thanks-pertis-blind-can-now-read-quran>.

Laporan

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

World Health Organization & World Bank. (2011). *World Report on Disability*. Geneva: WHO Press.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.